



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG
Bangunan Sultan Alam Shah
Jalan Perbandaran, 41675 Klang Bandar Diraja
Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon: 03-3375 5555

IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK). **Keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.**

MAKLUMAT JAWATAN	(a)	Jawatan	:	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N1
	(b)	Taraf Jawatan	:	Personel MySTEP
	(c)	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan
	(d)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
	(e)	Kadar Upah (Bulanan)	:	RM1,900.00
	(f)	Kekosongan	:	10

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - Warganegara** Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi yang merangkumi bancian di lapangan, pengumpulan data inventori, pengemaskinian Sistem GESMBDK dan rekod, penyediaan laporan bancian, sokongan kepada tindakan Penguatkuasaan Akta 172 dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SPSM) secara *online* dengan melayari laman web <https://www.mbdk.gov.my>.
- Permohonan melalui *online* **Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SPSM)** hendaklah disertakan dengan muat naik gambar berukuran pasport dan salinan-salinan sijil kelahiran, kad pengenalan pemohon dan ibu bapa, sijil persekolahan, kelulusan akademik yang berkaitan dan hendaklah **disahkan terlebih dahulu oleh Wakil Rakyat/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/ Pengetua Sekolah/ Guru Besar/ Penghulu/ Ketua Kampung** sebelum muat naik dalam sistem mengikut format PDF.
- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TARIKH PERMOHONAN

Tarikh Iklan : 03 Ogos 2026

Tarikh Tutup Iklan : 14 Ogos 2026

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan ini boleh menghubungi **Jabatan Khidmat Pengurusan, Unit Perjawatan** di talian **03-3375 5555** sambungan **1504/1512/1524**.